LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum awda membuka akaun Ar-Rizq. Sila baca juga Terma dan Syarat Am dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini dan syaratnya.	**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei** **AR-RIZQ** Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 1hb Mac 2025

1. Apakah produk Ar-Rizq?

- Ar-Rizq merupakan produk simpanan bertempoh berdasarkan konsep Syariah *Al-Wakalah*.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang diguna pakai adalah *Al-Wakalah*.
- Di bawah konsep *Al-Wakalah*, Pelanggan *(Muwakkil)* melantik Perbadanan TAIB sebagai ejennya *(Wakil)* dan memberi kuasa kepada Perbadanan TAIB untuk mengurus dan/atau melabur keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada wang simpanan Pelanggan di dalam perdagangan dan pelaburan dengan syarat semua transaksi tersebut mematuhi prinsip Syariah.
- Pelanggan ditawarkan kadar pulangan jangkaan daripada pelaburan dan Perbadanan TAIB berhak untuk mendapatkan fi *Wakalah* (jika ada) untuk perkhidmatan yang diberikan semasa pembayaran pulangan.
- Sekiranya pulangan yang dijana daripada pelaburan melebihi kadar pulangan jangkaan, Perbadanan TAIB berhak mendapat lebihan pulangan sebagai insentif prestasi Perbadanan TAIB.

3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?

- **Individu atau Bersama**
  a. Warganegara Brunei
  b. Penduduk Tetap Brunei
  c. Warganegara asing memegang pas yang sah

  - Berumur 18 tahun dan ke atas
  - Pemohon mestilah menetap di Negara Brunei Darussalam
  - Pemohon tidak tersenarai di dalam senarai dalaman TAIB (*TAIB Internal list*)

- **Korporat**
  - Pemilik Tunggal, Syarikat, Perkongsian, Persatuan, Pertubuhan, Koperasi, Kelab, Pihak Kerajaan, Sekolah-Sekolah, NGOs.
  - Syarikat yang telah didaftarkan ke Registry of Companies (ROC) atau yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

4. Apakah dokumen yang diperlukan dan keperluan lain?

- **Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Brunei:**
  - Kad Pengenalan asal yang sah.
- **Warganegara asing:**
  - Kad Pengenalan asal yang sah.
  - Pasport asal yang sah.
  - Pas Kerja atau Pas Tanggungan (Anak / Pasangan) – sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam perkhidmatan dan Pas tidak kurang dari enam (6) bulan.
  - Surat tawaran pekerjaan / perjanjian kontrak.
  - Bukti memuaskan berkaitan dengan alamat kediaman seperti perjanjian sewa / bil kemudahan.
  - Borang sijil cukai (*Taxation Certification Form)* yang diisi.

- **Nama Perniagaan (Pemilik Tunggal atau Perkongsian):**
  - Kad Pengenalan asal
    - Pemilik Tunggal
    - Perkongsian (Semua rakan kongsi)
  - Penandatangan yang sah untuk Pemilik Tunggal (jika berkenaan)
  - Sijil Pendaftaran asal (Seksyen 16 & 17)
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata

- **Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat *(Companies Act):***
  - Kad Pengenalan asal semua Pengarah
  - Semua penandatangan yang berkuasa (jika berkenaan)
  - Sijil Penubuhan asal
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata berserta *Board of Directors Resolution / Company Secretary Certificate*
  - *Memorandum and Articles of Association*
  - *Return of the Allotment of Shares*

- **Sekolah:**
  - Kad Pengenalan asal bagi penandatangan yang diberi kuasa
  - Surat Pelantikan dari Kementerian Pendidikan
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata

- **Masjid:**
  - Kad Pengenalan asal bagi penandatangan yang diberi kuasa
  - Surat Kelulusan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (Jabatan Hal Ehwal Masjid)
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
  - **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Masjid

- **Lain-lain (Koperasi, Pertubuhan, Perbadanan, Tabung, Persatuan, Majlis Perundingan Kampung):**
  - Kad Pengenalan asal bagi penandatangan yang diberi kuasa.
  - Surat Kelulusan Penubuhan dari Pasukan Polis Diraja Brunei *(Certificate of Registration)*
  - Surat Pelantikan
  - Surat Kuasa Arahan & E-Penyata
  - Minit Mesyuarat Jawatankuasa

5. Berapakah deposit minimum dan maksimum?

Individu atau Bersama

- Deposit minimum ialah B$1,000.00 dan deposit maksimum adalah B$2,000,000.

Korporat

- Deposit minimum ialah B$1,000.00 dan deposit maksimum adalah B$5,000,000.

6. Bagaimanakah pengagihan pulangan bagi produk ini?

- Pengagihan pulangan pada tempoh matang.
- Pelanggan tidak akan menerima sebarang pulangan sekiranya Pelanggan menutup akaun Ar-Rizq sebelum tempoh matang.
- Kadar pulangan yang ditawarkan adalah berdasarkan jangkaan dan indikatif semata-mata. Pulangan sebenar yang dibayar adalah berdasarkan kadar pulangan semasa pada tempoh matang.

7. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu Pelanggan ketahui?

- Pelanggan boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Am di laman sesawang (www.taib.com.bn).
- Pelanggan hendaklah mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa.
- Pengeluaran separa dan "*top-up*" tidak dibenarkan bagi produk ini.

8. Berapa lamakah tempoh produk ini?

- 3, 6, 9 dan 12 bulan.

9. Apakah lain-lain manfaat produk ini?

- Pilihan untuk melaburkan semula wang deposit secara automatik *(auto roll-over).*
- E-Penyata, Perbankan Mudah Alih dan Perbankan Internet.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

10. Apakah fi yang perlu dibayar oleh Pelanggan?

- Berikut adalah fi bagi Ar-Rizq:

Jenis Fi	Jumlah Fi
Pengeluaran sijil pertama kerana hilang	B$10.00
Pengeluaran sijil seterusnya kerana hilang	B$15.00

- Fi *Wakalah* adalah dikecualikan.
- Fi adalah tertakluk kepada perubahan; sila rujuk **'Jadual Tarif dan Fi TAIB'** di laman sesawang Perbadanan TAIB (www.taib.com.bn) untuk mengetahui kadar dan fi perkhidmatan yang terkini.

11. Apakah risiko yang berkaitan dengan produk ini?

- Pelanggan hendaklah menanggung mana-mana kerugian dan liabiliti setelah Perbadanan TAIB menjalankan tugasnya sebagaimana yang ditentukan di dalam kontrak *Wakalah*, kecuali kerugian yang disebabkan oleh sebarang salah laku, kecuaian atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat oleh Perbadanan TAIB.

12. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

- Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah secepatnya memaklumkan Perbadanan TAIB jika terdapat sebarang perubahan di dalam butiran maklumat Pelanggan.

13. Di manakah Pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.
- Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, Pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di fci@bdcb.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

  Isu Pengguna Kewangan
  Brunei Darussalam Central Bank
  Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
  Commonwealth Drive
  Bandar Seri Begawan BB3910
  Tel: +673 2380007

14. Apakah Produk Deposit Bertempoh lain yang sedia ada?

- *TAIB Deposit Certificate (TDC)*

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Am TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Maklumat Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka akaun Ar-Rizq yang berkonsepkan *Al-Wakalah* mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No K/P: Tarikh:	Nama: No K/P: Tarikh:
..... (Untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB)	..... (Tandatangan Pelanggan)